



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 18 OKTOBER 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGOR TV	JOM MERIAHKAN UANGTAHUN KE-4 MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA 20 OKTOBER INI! PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI MENARIK TERSEDIA BUAT SEMUA PENGUNJUNG

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBSA MPAJ	- SENGGARA SALIRAN ATASI BANJIR KILAT - BAIKI RUNTUHAN TEBING SUNGAI - KERJASAMA BERSIH KAWASAN RUNTUHAN
2.	THE STAR	MBPJ DBKL	- PJ MARKET TRADERS UPSET OVER LICENCE TERMINATION - OVERFLOWING RUBBISH BINS TURNING CUSTOMERS AWAY IN CHINATOWN

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	- BILIK GERAKAN BAH AKTIF 24 JAM - SEGERA SIAPKAN TEBATAN BANJIR - WASPADA AIR PASANG - PANTAU KAWASAN BERISIKO BANJIR - NEGERI HARAP TERIMA LEBIH PERUNTUKAN - GST BELUM SESUAI - CAJ 20 SEN KAWAL PENGGUNAAN PLASTIK
2.	THE STAR	- KLANG RESIDENTS ADVISED TO BE ON ALERT - PM TAKES A LOOK AT FINAL TOUCHES FOR BUDGET 2025 - HIGH HOPES FOR LOWER TAXES - TURNING TO AI FOR WEATHER FORECAST
3.	SINAR HARIAN	- PASTIKAN PELAKSANAAN AKTA 852 CAPAI MATLAMAT - SPRM SIASAT 20 PROJEK DI SELANGOR - BELANJAWAN 2025 TUMPU ASPEK KRITIKAL PERKUKUH EKONOMI NEGARA - BELANJAWAN ADIL UNTUK RAKYAT TERBANYAK
4.	HARIAN METRO	PERLUAS BANTUAN GOLONGAN B40, M40
5.	BERITA HARIAN	- PERKETAT PERATURAN MAKANAN, MINUMAN TANPA WUJUD AKTA BAHARU - NRES SEDANG KENAL PASTI PLASTIK SEKALI GUNA BERMASALAH - FOKUS TANGANI CABARAN GLOBAL, PERKUKUH DAYA SAING EKONOMI - BERSIHKAN 'SETITIK NILA' PEGAWAI IMIGRESEN CEMARI IMEJ MALAYSIA
6.	UTUSAN MALAYSIA	- KAJIAN BENCANA PENTING SEBAGAI TINDAKAN PROAKTIF MENYELAMAT - PERKASA PENGURUSAN MUSIBAH DAN BENCANA - BELANJAWAN 2025 DIJANGKA BANTU KUKUH NILAI RINGGIT - LEBIH 30 JUTA TUNGGU KHABAR GEMBIRA - HUTANG PERSEKUTUAN DIJANGKA TURUN KEPADA 7.5% TAHUN INI
7.	NEW STRAITS TIMES	- A FLOOD OF LESSONS LONG UNHEEDED - MENTAL HEALTH INCLUSIVITY - BIS SURPRISES MAY BE IN STORE

Jom meriahkan ulangtahun ke-4 Majlis Perbandaran Subang Jaya 20 Oktober ini! Pelbagai program dan aktiviti menarik tersedia buat...



SELANGORTV (HAI SELANGOR)

TARIKH : 18 OKTOBER 2024

Senggara saliran atasi banjir kilat

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengiatkan lagi operasi membersih dan menyelenggara sistem saliran di seluruh kawasan pentadbiran bagi mengatasi isu banjir kilat.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata bencana itu yang sering berlaku di bandar akibat longgokan sampah dalam longkang dan perparitan yang tidak disenggara dengan baik.

Menurut beliau, kerja pembersihan dan penyelenggaraan dibuat setiap minggu di beberapa kawasan antaranya Kampung Kubu Gajah, Kampung Melayu Subang, Paya Jaras, Jalan Kebun dan Kota Kemuning.

Baiki runtuh tebing sungai

SHAH ALAM - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diarah menyediakan laporan kejadian tebing anak sungai runtuh di Taman Lembah Maju, Ampang pada 12 Oktober.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata laporan segera diperlukan untuk tindakan lanjut pihak berkuasa.

"Buat masa ini kawasan kejadian ditutup dan pemantauan akan sentiasa dilakukan oleh JPS dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)," katanya di Facebook selepas melawat lokasi kejadian.

Kejadian tersebut mengakibatkan dua kenderaan rosak dan segera dialihkan MPAJ namun tiada mangsa cedera.

Semua penduduk setempat turut diingatkan supaya waspada sepanjang tempoh peralihan monsun dan hubungi Skuad Pantas melalui talian 03-4285 7333 untuk sebarang bentuk bantuan.

Kerjasama bersih kawasan runtuhan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan melaksana kerja pembersihan di kawasan runtuhan Jalan E6, Taman Melawati, Ampang Jaya.

MPAJ memaklumkan pihaknya dan KDEB Waste Management turut menutup kawasan runtuhan dengan plastik tarpaulin sebagai langkah keselamatan dan membersihkan longkang di Jalan G2, Taman Melawati.

"MPAJ akan melaksanakan kerja pembersihan Jalan Serdang dan Jalan E6, Taman Melawati bagi memudahkan akses ke kawasan kediaman. Kita akan maklum sekiranya laluan tersebut boleh diguna semula.

"Pusat penempatan sementara juga akan dibuka di dewan orang ramai Jawatankuasa Penduduk Zon 1, Taman Melawati dan dewan MPAJ AU2, Taman Keramat (jika ada keperluan)," katanya pada 15 Oktober.

Bilik gerakan bah aktif 24 jam

AMPANG JAYA - Kerajaan Negeri mengaktifkan bilik gerakan 24 jam di seluruh daerah bagi memantau titik panas banjir dan fenomena air pasang besar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu membolehkan bilik gerakan bencana negeri bertindak segera jika berlaku banjir.

Menurutnya, benteng (ban) sementara turut dibina di beberapa lokasi kritikal sebagai persediaan menghadapi fenomena air pasang besar bermula 17 hingga 20 Oktober.

"Beberapa ban sementara sedang dalam proses pembinaan susulan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor bulan lepas.

"Saya akan pantau tahap kesiapsiagaan dan akan melihat jika ada ban yang masih belum selesai dibina, arahan akan dikeluarkan untuk menyegerakan tindakan (pembinaan) itu," katanya pada 16 Oktober.

Segera siapkan tebatan banjir

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tidak teragak-agak menamatkan kontrak dan menyenarai hitam kontraktor yang gagal menyiapkan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), tegas EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim berkata pihaknya mengenal pasti sembilan RTB tergendala dan perlu disiapkan segera bagi menghadapi Monsun Timur Laut November ini.

"Kerajaan Negeri mempunyai 41 projek RTB dengan peruntukan kos bernilai RM482 juta. Namun, kita mendapati sembilan daripada RTB itu bermasalah dan dikategorikan sebagai projek sakit antaranya kerana tidak disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

"Projek itu melibatkan RTB di Sungai Buloh, Ijok, Sungai Kayu Ara dan anak sungainya, Sijangkang, Sungai Kandis, Sungai Kembong, Taman Mutiara Bukit Raja serta Sungai Pinang," katanya baru-baru ini.

Ir Izham turut memaklumkan pentadbiran negeri meluluskan RM5 juta bagi menyenggara parit dan longkang tidak bertuan di seluruh Selangor bagi mencegah banjir.

Katanya, pembersihan melibatkan saliran sepanjang lebih 300 kilometer yang dilaksana dua fasa.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 18 OKTOBER 2024

Waspada air pasang

SHAH ALAM - Penduduk di kawasan berhampiran pantai di Selangor dinasihati waspada dengan fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku pada 17 hingga 20 Oktober.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata bacaan paras air laut dijangka mencecah ketinggian 5.8 meter pada 18 Oktober.

"Pada 17 Oktober dijangka paras air adalah 5.7 meter sementara 19 dan 20 Oktober masing-masing 5.7 dan 5.5 meter.

"Empat hari ini untuk bulan Oktober memang serius. Bulan November pun ada nanti saya akan maklumkan kemudian," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri, mengambil langkah sementara dengan menyediakan beg pasir di kawasan pantai yang sedang terlibat pembinaan ban.

"Langkah sementara ini dicadangkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk tempoh empat hari fenomena air pasang besar berlaku," katanya.

Pantau kawasan berisiko banjir

SHAH ALAM - Pemantauan kawasan titik panas, tambah baik projek ban serta mitigasi banjir antara persiapan yang dirangka bagi menghadapi bencana seluruh negeri.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi memaklumkan keputusan tersebut dimuktamad dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) baru-baru ini.

"Kita juga terus memantau kawasan titik panas yang sering berdepan banjir kilat selain bersiap sedia menggerakkan pihak berkuasa tempatan (PBT)

sekiranya berlaku bencana.

"Persiapan pengurusan menghadapi bencana dilakukan awal termasuk membuat simulasi bersama PBT dan pejabat daerah, keselamatan penduduk menjadi keutamaan," katanya pada 12 Oktober.

Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran negeri, fenomena air pasang besar yang diramal berakhir pada 31 Oktober dijangka mencatat bacaan paras air laut 5.8 meter, tertinggi bagi tahun ini.

Fenomena tersebut dijangka men-

catat paras air laut setinggi 5.4 meter jam 4.53 pagi 16 Oktober diikuti paras 5.7 meter jam 5.38 pagi dan 5.1 meter jam 5.51 petang pada 17 Oktober.

Bacaan paras air laut tertinggi direkod 5.8 meter jam 6.17 pagi dan 5.2 meter jam 6.36 petang pada 18 Oktober, diikuti 5.7 meter jam 6.54 pagi dan 5.2 meter jam 7.15 petang keesokan hari.

Bacaan paras air laut dijangka 5.5 meter jam 7.29 pagi dan 5 meter jam 7.52 petang pada 20 Oktober, dengan keesokannya bacaan paras air laut setinggi 5.1 meter jam 8.03 pagi.

Negeri harap terima lebih peruntukan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berharap menerima peruntukan lebih tinggi dalam Belanjawan 2025 yang bakal dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat pada 18 Oktober.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan pertambahan jumlah tersebut seiring pencapaian negeri sebagai penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Selangor adalah penyumbang paling tinggi kepada ekonomi negara, kalau diibaratkan seperti kek, Selangor perlu diberikan lebih.

"Perkara yang membabitkan kos paling tinggi ialah penyelesaian banjir melalui pembinaan tebatan selain pembangunan prasarana masyarakat terpinggir di negeri ini," katanya pada 10 Oktober.

GST belum sesuai

SHAH ALAM - Cukai barang dan perkhidmatan (GST) hanya diperkenal semula jika gaji minimum penduduk naik kepada RM3,000 hingga RM4,000, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengakui sistem tersebut cekap dan telus, beliau memberitahu pelaksanaan GST juga membantu mengembangkan dana kerajaan melalui kutipan hasil yang lebih tinggi, lapor Bernama.

Namun, menteri kewangan itu percaya golongan miskin tidak harus dibebani dengan sistem cukai sedemikian. Pada masa ini, gaji bulanan minimum di Malaysia sekitar RM1,500.

"Beri sedikit masa, beberapa tahun, (kita mesti) pastikan ambang gaji meningkat kepada minimum RM3,000-RM4,000, kemudian barulah kita boleh selaraskan dasar," katanya.

Anwar berkata demikian pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-78 Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia di ibu negara pada 13 Oktober.

Menjelaskan GST menjadi isu selama beberapa dekad sejak 1990-an, beliau tidak bersetuju pada masa itu kerana percaya gejala rasuah berbilion ringgit perlu ditangani terlebih dahulu.



Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Liew Chin Tong pula berkata sekitar 15 peratus rakyat memiliki pendapatan cukup untuk melayakkan mereka membayar cukai pendapatan.

"Kita harus bersama-sama menyasar untuk mewujudkan masyarakat yang sekurang-kurangnya 60 peratus memperoleh pendapatan yang melayakkan mereka membayar cukai pendapatan," katanya.

Caj 20 sen kawal penggunaan plastik

HULU SELANGOR - Caj 20 sen yang dikuat kuasa pentadbiran negeri satu-satunya kaedah kawalan dan pendidikan bagi mengurangkan penggunaan beg plastik, kata EXCO alam sekitar.

Jamaliah Jamaluddin memberitahu hasil kutipan digunakan untuk pelbagai kegiatan berkaitan alam sekitar termasuk kitar semula atau program penjagaan sumber air, hutan dan laut.

Beliau juga menjelaskan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut berperanan dan menyokong usaha memulihara ekosistem alam sekitar.

"Premis perniagaan digalakkan menyedia beg kitar semula dan dijual pada harga berpatutan atau menggunakan plastik jenis biodegradasi.

"PBT juga sentiasa mempromosi kempen bebas plastik di setiap acara mereka dan turut menjadikan beg kitar semula sebagai sumbangan kepada masyarakat," katanya pada 13 Oktober.

Berucap dalam Karnival Alam Sekitar Negeri Selangor, Jamaliah memaklumkan PBT mengadakan program bawa beg sendiri ke bazar Ramadan sepanjang bulan puasa.

"Mereka berikan insentif berbentuk kupon kepada pengunjung bazar yang membawa beg sendiri," katanya.

Sebanyak RM38 juta dikumpul hasil daripada caj 20 sen untuk setiap penggunaan beg plastik dalam tempoh tiga tahun dari 2020 hingga tahun lepas.

PJ market traders upset over licence termination

18/10/24

They rue need to reapply for licence, say MBPJ still has their deposit

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

FORTY-SEVEN traders at Pasar Besar Jalan Othman in Petaling Jaya Old Town, Selangor, received a three-day notice to vacate for defaulting on rent.

They have not been trading at their stalls since Oct 11 after receiving the notice on Oct 8.

Jalan Othman Market Traders Association chairman N. Rajaratnam was among those who received the notice issued by Petaling Jaya City Council (MBPJ).

"I have been operating here for 25 years. I feel like MBPJ could have taken a more lenient approach.

"Most of us defaulted on the rent by only one month," said chicken-seller Rajaratnam.

Traders, he said, were required to pay the rent online by the 18th of each month and some of the 47 traders who were late in making payment by just a day found the system locked.

The notice also said traders had to apply for a new trading licence to resume business at the market, he told *StarMetro*, and wondered how much this would cost.

In the past, he said traders paid RM350 each, including two months' deposit for the licence.

As the traders had paid RM700 to MBPJ when they applied for their licence previously, he said the city council should not terminate their licence for defaulting on one month's rent.

"Deepavali is days away and we will normally have better business during the festive period," he added.

Rajaratnam said they contacted the area's MBPJ councillor Ahmad Akhir Pawan Chik who promised to sort out the matter.


Association deputy chairman Zulkarnain Shahbhari said business was not as brisk since the



One of the market stalls has been covered in canvas since the trader received a notice to vacate after failing to pay the month's rent before MBPJ's deadline. — Photos: AZMAN GHANI/The Star



Dr Afif (third from right) with Rajaratnam to his right, speaking to affected traders at the market.



Notice to vacate issued to traders who defaulted on their rent.

Covid-19 pandemic because the market lacked promotion to attract new customers.

The affected traders vented their frustration to Taman Medan assemblyman Dr Afif Bahardin during a meet-up at the market.

Dr Afif told *StarMetro* the market had about 560 business lots with only 200 operational, and now 47 traders had received the notice to vacate.

"We do not want them to have to trade on the streets illegally,"

he said, noting that the traders were already burdened by the increase in licence fees from RM90 to RM350 post-pandemic.

"There are many vacant lots and MBPJ could give a year's free rental to new traders.

"This will attract more customers to the market.

"Some of the lots have been vacant for years.

"MBPJ must be supportive of existing traders instead of terminating their licence," he said.

Dr Afif claimed that some people

applying to trade at the market were told there were no vacant stalls.

Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon, when contacted by *StarMetro*, said termination of licences for defaulting on rental payment was MBPJ's policy.

"This is our standard operating procedure and the traders are well aware of it.

"They have to reapply for a business licence," he said while pledging to look into the 47 traders' plight.

THE STAR

Tarikh: 18 OCT 2024

'Overflowing rubbish bins turning customers away in Chinatown'

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

CENTRALISED rubbish bins in Kuala Lumpur's Chinatown will be moved to a location nearby by next month.

This follows complaints from business owners along Jalan Sultan that the current location of the bins behind their shops had affected business.

Fung Wong Biscuit Shop owner Melvin Chan said the foul smell from the rubbish bins placed near the back door of his shop and a school was a turnoff.

"People also have the bad habit of throwing rubbish in the back lane and outside the bins," he said, calling on the authorities to remove the bins as soon as possible.

Petaling Street Rukun

Tetangga chairman Datuk Chan Kwok Chin said the back lane of Jalan Sultan had become a dumping ground.

"Rubbish is often seen piled outside the bins and is an eyesore," he said.

Kuala Lumpur Advisory Board member Andre Lai said the problem had persisted for more than 20 years.

"There used to be illegal hawkers operating in the back lanes where the bins are located, but Kuala Lumpur City Hall (DBKL) evicted them in August.

"However, the rubbish bins are now in plain sight, creating an unpleasant view for tourists," he said.

Officers from DBKL's Health and Environment Department had proposed each shop unit having its own individual bin.

However, DBKL Advisory Board member Carmen Leong opposed the move.

She said the recent enforcement against illegal traders had sparked interest in developing and beautifying the area.

"I do not agree with the proposal of having individual bins as it would defeat the purpose of the beautification plan.

"It is better to have a centralised location where traders can access the bins.

"We have since identified a location for the dumpsters in Lorong Sultan, behind a hotel," she said.

Bukit Bintang Residents Representative Council (MPPWP) chairman Ben Fong hopes the new location for the bins will be easily accessible and not mar the image of the area.



Overflowing rubbish seen in the back lane of Jalan Sultan, Kuala Lumpur. The dumpsters will be moved to Lorong Sultan next month.

THE STAR

18 OCT 2024

Tarikh:.....

Klang residents advised to be on alert

PETALING JAYA: The high-tide phenomenon in Klang caused water to encroach on a section of Jalan Shahbandar near the South Port ferry terminal.

At around 6am yesterday, the water level was below knee height and lasted for two hours before receding completely.

Police and the Survey and Mapping Department were present at the site to monitor the situation.

The National Hydrographic Centre had earlier forecast that peak tides between yesterday and

Sunday could reach up to 5.8m, potentially causing flooding in coastal areas, especially when combined with heavy rainfall.

Specific areas in Port Klang known to be susceptible to flooding during high tides include North Port, South Port, West Port, Jalan Syahbandar (Foreshore Road), Sungai Sireh, Telok Gong, Pulau Indah, Tanjung Harapan and Bagan Hailam.

Authorities had advised residents in these coastal areas to remain alert, especially those in low-lying areas.



Knee-deep: Only a section of Jalan Syahbandar outside the South Port Terminal in Port Klang was affected by the high tide. — KK SHAM/The Star

THE STAR

18 OCT 2024

Tarikh:.....

PM takes a look at final touches for Budget 2025

PUTRAJAYA: Budget 2025, which will be tabled in Dewan Rakyat today, will further drive economic growth and ensure justice for the people, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

In a Facebook post yesterday, Anwar, who is also Finance Minister, said the Budget team and Finance Ministry staff were well-prepared for the task during his visit to the ministry's office.

"Despite being busy finalising this inclusive and carefully crafted Budget, I was delighted to see the enthusiasm of the Budget team and had the opportunity to take photos with them.

"After the commemorative photos, I signed the documents related to Budget 2025, which will be presented in the Dewan Rakyat tomorrow," he said in his post.

Yesterday morning, Anwar had taken time off to check on the final preparations for Budget 2025 at the Finance Ministry here.

Anwar, who arrived at 9.40am, was greeted by Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Deputy Finance Minister Lim Hui Ying and Treasury secretary-general Datuk Johan Mahmood Merican.

Also present to welcome Anwar were Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar and Public Service director-general Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

A total of 213 people are involved in preparing Budget 2025, comprising the Tax Team, Fiscal and Economic Team, National Budget Office Team, Budget 2025 Team, Budget 2025 Infographics Team, Budget 2025 Translation Team, Gear-up Team, and the Benefits Portal Team, reported Bernama.

THE STAR

Tarikh: 18 OCT 2024

High hopes for lower taxes ^{6/10}

M40 seeking more means of relief to stave off soaring living costs

By **TEH ATHIRA YUSOF**
tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: Middle-income Malaysians are hoping for more tax relief and for subsidies to be maintained for certain essentials in Budget 2025, which will be tabled today.

They said Budget 2025 should not be merely about taxing the rich and aiding the poor but about making things affordable.

Media practitioner Adrian Lai said the middle class is often squeezed the hardest in terms of paying taxes.

"When subsidies are reduced or taken away, it hits our wallets too. I think measures such as more tax reliefs and subsidies would help us (deal) with housing, education and healthcare expenses that will make a significant difference in our everyday lives," the 36-year-old said.

Economists had expected that Budget 2025 would introduce further subsidy cuts and new taxes.

The move, they said, would strengthen the country's fiscal position amid expectations of falling government revenue.

Lai said if more subsidies are taken away, everyday expenses like fuel, groceries and even electricity could go up in price.

"It might not seem like much at first but these costs can quickly add up and stretch our budget, especially when salaries are not increasing at the same pace."

A private sector employee, Laili Ismail, 36, said it is already tough living in urban areas with the high cost of living, which greatly affects the middle-income group.

She said targeted financial assistance like tax relief, housing schemes and loan subsidies as well as efforts to improve financial literacy can make a huge dif-

ference in people's quality of life.

"Over the past decade, I've seen living costs rise significantly, especially after the Covid-19 pandemic and in urban areas like Kuala Lumpur."

"For those of us in the middle-income bracket, it has been tough to maintain financial stability when wages aren't keeping up with inflation," Laili said.

If the government were to remove subsidies on essential goods, she is worried that the costs would add up significantly.

"It would leave us with less money for savings or emergencies, which is a matter of concern for long-term financial stability," Laili said.

She also said the government could increase the minimum wage, adding it must be implemented gradually and provide support to businesses that would be most affected.

"With the right approach, we can ensure that a higher minimum wage benefits everyone, without causing undue hardship," she added.

Entrepreneur M. Ravindran, 38, said any measures by the government to remove subsidies should be done in stages to avoid a significant increase in the prices of goods and services.

"There should be a soft landing and not done all at once. We need to adjust our finances too."

He said there should be more assistance for middle-income groups as their purchasing power would be affected if prices are increased.

"This will help them spend more instead of being forced to choose which goods or services to spend on," Ravindran added.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim will table Budget 2025 at 4pm today in Parliament.

THE STAR

rikh: 18 OCT 2024

Turning to AI for weather forecast

Enhanced system in the works to enable more accuracy, says MetMalaysia

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

PETALING JAYA: There are plans to get an improved weather forecast system which integrates the use of artificial intelligence (AI), says the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia).

MetMalaysia deputy director-general (operations) Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the use of AI will also enable more accurate forecasts.

"Currently, we can forecast up to seven days ahead, but we are planning to procure an improved system, which incorporates AI, in the near future. This system will

also allow more accurate forecasting over a longer period of time.

"MetMalaysia will always improve its equipment and weather forecast systems by adapting to the latest technologies that are on par with developed countries," he told *The Star* in a statement yesterday.

The department was responding to a question on plans to improve the existing infrastructure and systems used for weather forecasts, as well as how it will be beneficial compared with the present system.

On forecasting rates, Mohd Hisham said incidents of thunderstorms and strong winds can only

be identified once the early signs have been formed.

"For bigger weather phenomena like typhoon storms and monsoon surges, they can be forecast three to seven days in advance," he said.

Mohd Hisham added that MetMalaysia will be relocating their office to Labu, Negri Sembilan, to ensure more efficient operations.

Last month, Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad urged MetMalaysia to review its standard operating procedures for weather information, advice and warnings.

He also stressed the need to

ensure updates were issued more frequently during periods of extreme weather.

"This is to ensure that the public is more aware of the current weather conditions to avoid unwanted incidents," said Nik Nazmi.

Malaysia is currently in the intermonsoon phase and is expected to transition to the northeast monsoon in November.

The northeast monsoon, which brings more frequent rains, usually lasts until early next year.

Earlier this week, Kuala Lumpur came to a halt after a morning downpour saw numerous roads inundated by floodwaters. A land-

slide occurred at Taman Melawati due to the heavy morning shower.

The SMART Tunnel was also closed for flood operations on Tuesday before being reopened at about 3.40pm.

The downpour also saw a kindergarten in Hulu Kelang inundated with knee-high floodwaters.

Operations on the Kelana Jaya Light Rail Transit line were disrupted after tracks between the Sri Rampai and Wangsa Maju stations became flooded.

The rains also led to Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul calling for a temporary halt to Parliament proceedings as several MPs were stuck in floods.

THE STAR

18 OCT 2024

Tarikh:

SH
18/10

Pastikan pelaksanaan Akta 852 capai matlamat

MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad membuat satu keputusan tepat apabila mengeluarkan kenyataan bahawa tidak akan mengubah pendirian terhadap pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang dikuatkuasakan bermula 1 Oktober lalu.

Beliau juga menyatakan, sebarang nasihat atau cadangan daripada industri komersial mengenai antirokok yang mahu Akta 852 ditangguhkan, tidak akan mengubah keputusan kerajaan itu.

Akta 852 merangkumi sekatan ketat terhadap pembekalan, pengiklanan, paparan dan promosi produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape.

Berdasarkan Kajian Global Adult Tobacco Survey (GATS) Malaysia 2023, peningkatan peratus pengguna vape amat ketara terutama dalam kalangan orang dewasa yang berusia kurang 50 tahun.

Perkembangan ini sangat membimbangkan dan kewujudan akta tersebut bertepatan dengan usaha kerajaan memastikan rakyat di negara ini hidup secara sihat.

Begitu juga dengan penggunaan vape dalam kalangan remaja telah meningkat saban tahun daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus bagi 2022. Golongan tersebut mudah membeli produk berkenaan di kedai-kedai yang menjualnya.

Apabila Akta 852 berkuat kuasa, syarat lebih ketat terhadap peniaga rokok dan vape termasuk larangan mempamerkan produk tersebut secara terbuka di premis perniagaan.

Jika generasi muda yang bakal menjadi masa depan negara berdepan masalah kesihatan, apa akan terjadi kepada Malaysia? Lebih-lebih lagi negara berdepan dengan peningkatan perbelanjaan bagi kesihatan yang diketahui umum kini kian meningkat saban tahun.

Selain beberapa kawasan baharu seperti premis dobi dan tempat kerja sebagai kawasan larangan merokok menjadikan keseluruhan 28 lokasi.

Bagaimanapun, program advokasi berkaitan Akta 852 perlu diperluaskan kepada semua pihak terutama rakyat agar ia mencapai matlamatnya. Begitu juga dalam soal penguatkuasaan kerana ketika ini masih ramai yang tidak endah kepada larangan merokok di tempat yang telah digazetkan.

Satu kaedah penguatkuasaan berkesan perlu dilakukan kerana masih ramai yang merokok di kawasan larangan seperti restoran, sekali gus memberi kesan kepada mereka sekeliling.

Justeru, agensi penguatkuasaan yang terlibat perlulah lebih berani dan agresif untuk bertindak.

SINAR HARIAN

Tarikh: 18 OCT 2024

SPRM siasat 20 projek di Selangor

9th 12/10

Dipercayai ada kaitan kes rasuah konsesi perlombongan pasir melibatkan syarikat MBI

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat 20 projek melibatkan pembangunan di Selangor yang dipercayai ada kaitan dengan kes rasuah konsesi perlombongan pasir melibatkan syarikat Menteri Besar Selangor Pembedanan (MBI).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya juga sedang meneliti lima buah syarikat dipercayai mempunyai saham membabitkan beberapa individu termasuk ahli politik yang dikaitkan dengan kes itu.

Sehubungan itu kata beliau, siasatan masih giat dijalankan bagi mengumpul semua maklumat diperlukan.

"Kes MBI pada awalnya bermula dengan satu kes tetapi sekarang sudah bertambah menjadi beberapa kes. Tidak mustahil kemungkinan akan timbul lagi kes selepas ini ber-

dasarkan siasatan dijalankan oleh pegawai penyiasat dan sebab itu juga kita hendak memeriksa 20 lagi projek yang dikaitkan.

"Silap-silap satu projek yang diasiasat itu akan membuka satu kertas siasatan tersendiri," katanya dalam sidang akhbar pada Khamis.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Persidangan Meja Bulat Ketua Pesuruhjaya SPRM Bersama Bank-Bank Komersial.

Dalam pada itu, ketika diminta pemberita untuk mengesahkan isu tular di media sosial seorang bekas menteri yang juga pemimpin kanan dalam sebuah parti yang dikaitkan dengan kes ini, Azam enggan mengulas berhubung dakwaan itu.

"Saya tidak mahu komen berhubung perkara itu. Ia boleh jadi



AZAM

sesiapa sahaja. Jadi kita tunggu sajalah," jelasnya.

Beliau mengesahkan siasatan ketika ini hanya melibatkan seorang ahli politik sahaja dan nama ahli politik itu masih dirahsiakan.

Ujarnya, tiada ahli politik lain di Selangor berada dalam radar siasatan yang giat dilakukan pada masa ini.

"Saya tidak tahu dan buat masa ini mungkin hanya melibatkan seorang sahaja. Masih belum lagi timbul nama-nama ahli politik lain yang terlibat," tambahnya.

Mengulas lanjut mengenai kes MBI, Azam berkata, SPRM menjalankan siasatan berdasarkan kepada maklumat dan aduan daripada pelbagai pihak.

Tegas beliau, sekiranya ada dakwaan bahawa siasatan kes MBI dibuat kerana ada unsur politik, ia adalah tidak benar.

"SPRM hanya melaksanakan tugas diamanahkan dan tidak bermotifkan politik. Semua siasatan dijalankan berdasarkan maklumat atau aduan yang diberikan oleh orang ramai.

"Timbul perkara yang mengatakan ini isu politik dan sebagainya, terserahlah kepada mana-mana mereka hendak sebut tentang hal berkenaan. Saya tidak ada komen tentang perkara itu," ulasnya.

SPRM sita wang tunai RM600,000

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menemukan wang tunai berjumlah RM600,000 setelah menggeledah sebuah premis dipercayai ada kaitan dengan ahli politik berpengaruh pada Rabu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, serbuan dilakukan SPRM itu susulan siasatan kes rasuah membabitkan Menteri Besar Selangor Pembedanan (MBI) berhubung skandal perlombongan pasir.

Beliau berkata, wang tersebut ditemukan di sebuah kediaman setelah SPRM pada Rabu bertindak menggeledah enam premis dipercayai menyimpan bahan kes.

"Seperti anda tahu, ada enam buah premis telah di-geledah oleh SPRM dan kita telah menyita wang sebanyak RM600,000 dipercayai mempunyai kaitan dengan ahli politik disyaki.

"Wang tersebut ditemukan di sebuah kediaman di Lembah Klang," katanya.

Ia menjadikan sejak Sabtu lepas, secara keseluruhan sebanyak sembilan premis di-geledah dan wang tunai hampir RM6 juta

disita SPRM, termasuk penemuan wang tunai dalam mata wang asing berjumlah RM5 juta di sebuah kediaman pada malam Sabtu lepas dan RM321,000 di dua buah premis lain.

Sementara itu, Azam berkata, pihaknya telah mendapat perintah reman selama enam hari terhadap seorang lagi individu berusia 45 tahun yang juga merupakan bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) MBI.

Menurutnya, suspek tersebut sebelum ini pernah ditahan reman selama sehari oleh SPRM bersama seorang lagi suspek.

Katanya lagi, SPRM telah mendapat permohonan reman selama tujuh hari terhadap COO tersebut pada Khamis bagi membantu siasatan.

Ditanya sama ada terdapat premis yang di-geledah itu milik suspek, Azam berkata, hampir kesemua premis merupakan kediaman yang bukan milik suspek.

"Hampir semua rumah atau premis yang di-geledah bukan milik suspek dan ada antaranya adalah rumah sewa dan sebagainya," ujarnya.



Laporan Sinar Harian pada Isnin.

SINAR HARIAN

Tarikh: 18 OCT 2024

Belanjawan 2025 tumpu aspek kritikal perkukuh ekonomi negara

PUTRAJAYA - Belanjawan 2025 dijangka memberi tumpuan terhadap empat aspek kritikal dalam usaha untuk memperkukuh ekonomi negara, kata penganalisis ekonomi, Dr Mohamad Khair Afham Muhammad Senan.

Menurutnya, empat aspek tumpuan itu ialah pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), peningkatan infrastruktur dan pelaburan teknologi hijau, penambahbaikan pendidikan teknikal serta bantuan sosial dan kebajikan.

"Sektor IKS dijangka terus menjadi fokus utama kerana ia merupakan tunjang kepada ekonomi Malaysia, terutama dalam menyediakan peluang pekerjaan dan merangsang inovasi," katanya.

Ujar beliau, kerajaan dijangka memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu IKS, termasuk skim pinjaman mudah dan



MOHAMAD KHAIR AFHAM

geran khas untuk digitalisasi serta automasi.

"Langkah ini amat penting bagi memastikan kelangsungan IKS yang terkesan akibat peningkatan kos operasi dan keperluan untuk bersaing dalam ekonomi digital," jelasnya.

Mohamad Khair berkata, kerajaan juga berkemungkinan besar akan memperuntukkan dana lebih banyak untuk memperbaiki infrastruktur asas seperti jalan raya, pengangkutan awam dan pembangunan bandar pintar menggunakan teknologi mesra alam.

Pada masa sama, pelaburan dalam teknologi hijau seperti tenaga boleh diperbaharui dan pengurangan karbon akan diperkukuhkan.

"Ini bukan sahaja sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap perubahan iklim global tetapi juga akan mencipta peluang pekerjaan dalam sektor-

sektor baharu yang berpotensi tinggi," kata beliau.

Menurutnya, pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) turut dijangka mendapat perhatian dengan jangkaan peruntukan lebih banyak dana bagi program latihan teknikal.

"Ini amat penting dalam usaha memastikan tenaga kerja Malaysia mampu bersaing dalam industri yang semakin canggih dan berasaskan teknologi.

"Program TVET yang komprehensif akan membantu menangani masalah kekurangan pekerja berkemahiran tinggi, terutamanya dalam sektor teknologi dan kejuruteraan," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, bantuan sosial dan kebajikan tidak akan disisihkan malah menjadi fokus utama dalam Belanjawan 2025.

"Dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat, kerajaan mungkin akan menambah baik bantuan kewangan kepada golongan B40 dan M40, termasuk menyalurkan bantuan kewangan langsung.

"Subsidi barangan keperluan

seperti telur dan minyak masak juga akan diteruskan bagi memastikan harga barangan asas kekal stabil.

"Ini penting bagi memastikan golongan yang terkesan akibat inflasi terus menerima sokongan yang mencukupi bagi menampung kehidupan seharian mereka," katanya.

Selain itu, beberapa aspek penting yang berkait rapat dengan isu fiskal dan subsidi dijangka disentuh kerajaan.

"Antaranya rasionalisasi subsidi petrol RON95, yang mana kerajaan merancang untuk memperkenalkan subsidi bersasar.

"Ini bertujuan mengurangkan ketirisan yang selama ini banyak dimanfaatkan oleh golongan berpendapatan tinggi, terutama T20, yang menyumbang lebih 30 peratus penggunaan RON95.

"Pelarasan subsidi ini dijangka memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40 yang lebih memerlukan sokongan ekonomi, selain membantu kerajaan menjimatkan perbelanjaan subsidi," jelasnya.

Ujar Mohamad Khair, dari su-

dut inflasi, pelarasan subsidi bahan api ini dijangka memberi kesan jangka pendek dalam bentuk kenaikan kos sara hidup kerana bahan api menyumbang kepada peningkatan harga barang.



PM guna beg fail songket
Kelantan bawa dokumen
Belanjawan 2025

84
18/10

Belanjawan adil untuk rakyat terbanyak

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat jam 4 petang hari ini bakal memacu lagi pertumbuhan ekonomi dan memberi keadilan kepada rakyat terbanyak.

Menerusi hantaran di Facebook, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semasa membuat tinjauan di pejabat Kementerian Kewangan pada pagi Khamis, beliau mendapati kesiapsiagaan pasukan Belanjawan dan warga Kementerian Kewangan begitu rapi.

"Kendatipun sibuk merangka Belanjawan yang terangkum dan penuh teliti ini, saya gembira melihat keterujaan pasukan Belanjawan dan turut bergambar bersama mereka.

"Usai mengambil gambar-gambar kenangan, saya menandatangani dokumen-dokumen berkaitan Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan esok (hari ini) di Dewan Rakyat," katanya pada Khamis.

Anwar turut mengucapkan terima kasih kepada warga kerajaan serta semua pihak terlibat yang telah memerah keringat dan memberi cadangan bernas untuk menjayakan Belanjawan 2025.

Terdahulu, Anwar tiba di Kompleks



Anwar (tiga dari kiri) menunjukkan dokumen Belanjawan 2025 ketika hadir meninjau persiapan penyediaan Belanjawan 2025 di Kementerian Kewangan di Putrajaya pada Khamis.

Perbendaharaan Presint 2, jam 9.40 pagi bagi meninjau persiapan akhir Belanjawan 2025 serta menandatangani beberapa dokumen berkaitan.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk

Johan Mahmood Merican.

Turut menyambut Perdana Menteri ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Anwar seterusnya bergambar dengan pengurusan tertinggi setiap kumpulan yang terlibat dalam penyediaan

Belanjawan 2025 di lobi utama Kementerian Kewangan.

Seramai 213 orang terlibat dalam penyediaan Belanjawan 2025 terdiri daripada Pasukan Cukai, Pasukan Fiskal dan Ekonomi, Pasukan Pejabat Belanjawan Negara, Pasukan Belanjawan 2025, Pasukan Infografik Belanjawan 2025, Pasukan Terjemahan Belanjawan 2025, Gear-up dan Pasukan Portal Manfaat.

Sementara itu, Perdana Menteri meneruskan tradisi menggunakan hasil kreatif kraf tangan tempatan untuk membawa dokumen penting Belanjawan 2025.

Menerusi hantaran di laman Facebook pada Khamis, Kementerian Kewangan memaklumkan kerja seni tenunan songket itu dihasilkan oleh Adiguru Rasiah Yusoff dari Kampung Tikat Penambang, Kota Bharu, Kelantan.

"Tenunan songket membawa nilai sejarah yang tinggi sebagai fabrik warisan agung dan ia bersesuaian dengan pentingnya dokumen Belanjawan 2025 ini selain mengangkat martabat serta melambangkan kedudukan tinggi si pemakai," katanya.

Beg yang direka oleh Chew Kai Hung dari Pulau Pinang itu turut menerapkan kombinasi sari pada bahagian lapisan dalamnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:18 OCT...2024..

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Menjelang pembedan Belanjawan 2025 hari ini, kerajaan dijangka meneruskan fokus kepada golongan B40 dan M40, dua kumpulan pendapatan yang paling memerlukan bantuan ekonomi dalam usaha memulihkan dan membangunkan ekonomi pasca-pandemik.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, langkah konsolidasi fiskal yang dilaksanakan sebelum ini telah memberi impak signifikan dengan membuka ruang dasar fiskal yang lebih besar bagi kerajaan.

Katanya, peningkatan hasil cukai dan pengoptimuman perbelanjaan dijangka memberikan kerajaan keupayaan untuk merangka belanjawan yang lebih inklusif, dengan peruntukan lebih besar pada 2025.

"Ini akan membolehkan kerajaan memperluaskan bantuan kepada golongan B40, M40, dan sektor-sektor lain dalam ekonomi."

"Justeru, tumpuan besar



GOLONGAN B40 dan M40, dua kumpulan pendapatan yang paling memerlukan bantuan ekonomi dalam usaha memulihkan dan membangunkan ekonomi pasca-pandemik.

PENINGKATAN HASIL CUKAI & PENGOPTIMUMAN PERBELANJAAN

PERLUAS BANTUAN GOLONGAN B40, M40

juga dijangka diberikan kepada program jaminan sosial, terutamanya bantuan tunai kepada golongan B40, yang telah menjadi teras dasar kerajaan untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan," katanya ketika ditemui selepas menjadi panel Podcast Harian Metro dengan topik

Belanjawan 2025: Apa Patut Kita Tahu, di sini, semalam.

Menurutnya, dalam Belanjawan 2025, kerajaan dijangka memperluaskan skop bantuan ini kepada golongan M40, mengambil kira tekanan ekonomi yang dihadapi oleh golongan ini akibat kos sara hidup yang

meningkat.

"Berkemungkinan akan terdapat tambahan peruntukan untuk M40 yang sekarang menjadi M50, namun bantuan akan melewati segenap lapisan masyarakat."

"Contohnya, bantuan awal persekolahan (BAP) yang membabitkan semua

golongan termasuk T20, walaupun bantuan ini boleh dianggap 'generous' (murah hati), namun saya lihat bantuan bersasar diberikan dengan lebih baik pada masa akan datang untuk golongan yang paling memerlukan," katanya.

Selain bantuan tunai, Mohd Afzanizam berkata,

Belanjawan 2025 mungkin akan memperkenalkan lebih banyak insentif cukai untuk merangsang pelaburan swasta, terutama dalam sektor peralihan tenaga"

Mohd Afzanizam

Belanjawan 2025 mungkin akan memperkenalkan lebih banyak insentif cukai untuk merangsang pelaburan swasta, terutama dalam sektor peralihan tenaga.

Beliau berkata, kerajaan juga mungkin akan memberi lebih banyak insentif kepada syarikat yang melabur dalam teknologi hijau dan tenaga bersih, sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap perubahan iklim dan pembangsan mampan.

"Satu lagi aspek penting dalam Belanjawan 2025 adalah rasionalisasi subsidi dan saya menjangkakan bahawa kerajaan akan memperkenalkan mekanisme baru untuk memastikan subsidi bahan api seperti RON95 sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan."

"Ini bertujuan untuk mengurangkan ketirisan bantuan kepada golongan T20 yang secara tidak langsung mendapat manfaat dari pada subsidi bahan api," katanya.

Perketat peraturan makanan, minuman tanpa wujud akta baharu

Dr Syed Iskandar
Syed Jaafar
Al Mahdzar,
Peguan,
Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan pada 1 Oktober lalu menekankan dua perkara menyentuh aspek kesihatan iaitu kebersihan diri dan premis serta menggalakkan rakyat mengurangkan penggunaan gula dalam minuman serta makanan.

Dalam aspek ini, wajar pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri bersama Kementerian Kesihatan (KKM) mengetatkan lagi peraturan berkaitan kebersihan dan kesihatan pengguna untuk dilaksanakan kepada semua peniaga terutama makanan, minuman, pasar raya dan kedai runcit.

Pemilik perniagaan terutama penyediaan makanan dan minuman perlu memastikan pekerja diberi penerangan dan latihan secukupnya sebelum mula bekerja.

Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) boleh mengeluarkan peraturan untuk memastikan tindakan boleh diambil terhadap majikan kerana gagal memberikan latihan secukupnya kepada pekerja untuk menjaga elemen kebersihan sebelum mula bekerja.

Aspek kebersihan dalam penyediaan makanan dan minuman bukan sahaja dalam aspek peralatan dapur perlu bersih, bahkan termasuk kewajipan membasuh tangan dengan sabun setiap kali keluar tandas sebelum menyambung kerja. Majikan patut menggajikan pekerja menjaga kebersihan tandas dan memastikan ia sentiasa bersih setiap 15 minit atau empat kali setiap jam.

Pekerja menyediakan makanan dan minuman juga perlu dipastikan dilarang merokok bukan

ketika bertugas termasuk ketika waktu rehat. Selain itu, kebersihan premis termasuk memastikan longkang bersih, tong sampah tidak berbau busuk untuk memastikan tiada tikus atau lipas berkeliaran di kedai kedai dan premis beroperasi.

Beri latihan bersesuaian

Pekerja tempatan atau asing wajar dihantar mengikuti program bersesuaian untuk menyedarkan mereka supaya mengamalkan kebersihan digariskan PBT dan KKM.

Dalam isu berkaitan kesihatan pengguna, semua premis sama ada menjual makanan, minuman, kedai runcit, pasar mini, pasar raya, pasar raya besar patut mempamerkan poster meringkaskan bahaya makan dan minum mempunyai kandungan gula atau susu pekat tinggi.

Pengusaha kedai makan dan minuman wajar

mempamerkan risiko makan mi segera dengan menunjukkan bukti saintifik bahaya pengambilan kerap atau melampau makanan berkenaan pada kesihatan manusia.

Pada masa sama, pemilik kedai mempromosikan penggunaan beras perang berbanding beras putih bagi memelihara kesihatan, menggalakkan penjualan roti perang berasakan gandum berbanding roti putih yang mempunyai kandungan gula tinggi serta penggunaan bahan kimia berbahaya digunakan untuk mencuci pakaian berserta bukti saintifik.

Segala cadangan dan teguran di atas boleh dilaksanakan tanpa perlu kerajaan memperkenalkan sebarang akta baharu kerana setiap agensi penguatkuasaan mempunyai kuasa membuat peraturan kecil dengan sumber kuasa akta sedia ada.



BERITA HARIAN
Tarikh.....18 OCT 2024....



Nik Nazmi pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

NRES sedang kenal pasti plastik sekali guna bermasalah

18/10/24

Pelaksanaan pelan penghapusan secara bersasar tergendala akibat COVID-19

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang mengenal pasti dan menyediakan senarai awal bagi plastik sekali guna yang bermasalah, tidak diperlukan dan boleh dielakkan, bagi memastikan penghapusan plastik sekali guna dilaksanakan de-

ngan teratur.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata melalui senarai itu, penghapusan dan pengurangan plastik sekali guna dapat dilaksanakan secara bersasar.

Beliau menjawab soalan Wong Shu Qi (PH-Kluang), sama ada Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 mencapai sasaran atau tidak, pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Penggunaan bertambah

Nik Nazmi mengakui pelaksanaan pelan itu tergendala ekoran pandemik COVID-19 yang menyaksikan peningkatan penggunaan plastik.

"Sebagai contoh, penggunaan plastik dalam kalangan penggu-

na meningkat susulan COVID-19, kerana orang ramai lebih cenderung membeli makanan serta membeli-belah menerusi platform dalam talian yang menyaksikan penggunaan bungkusan plastik berlebihan," katanya.

Nik Nazmi berkata, penghapusan plastik sekali guna juga menghadapi kekangan kerana bidang kuasa berasingan di antara pihak Kerajaan Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

Beliau berkata, caj pencemaran penggunaan beg plastik sekali guna hanya dilaksanakan di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah, Johor dan Perlis, sekali gus menunjukkan masih banyak negeri dan sektor tidak melaksanakan agenda bebas plastik.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 18 OCT 2024.

Fokus tangani cabaran global, perkukuh daya saing ekonomi

Pakej rangsangan komprehensif dijangka diumumkan tangani isu utama dihadapi rakyat

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hari ini, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan Belanjawan 2025, di mana tumpuan utamanya pada langkah yang bakal diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Bertemakan 'Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera', ini adalah belanjawan kedua oleh kerajaan dalam kerangka Ekonomi MADANI di bawah pimpinan Anwar dan yang terakhir di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) sebelum beralih kepada Rancangan Malaysia Ke-13 untuk tempoh lima tahun akan datang.

Pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan peniaga, pelabur dan penganalisis ekonomi, sedang menantikan belanjawan ini dengan harapan ia akan membawa pendekatan menyeluruh dan progresif, terutama dalam menangani cabaran global serta memperkukuh daya saing ekonomi Malaysia.

Belanjawan kali ini juga dijangka menyediakan sesuatu untuk semua golongan, termasuk petani, nelayan, pekebun kecil, pekerja yang dibayar gaji secara harian, generasi muda yang mencari pekerjaan serta suri rumah dan pekerja gig.

Memandangkan kebimbangan terhadap inflasi dan kos sara hidup semakin meningkat, ramai menjangkakan Belanjawan 2025 akan menyediakan langkah baharu untuk membantu rakyat menguruskan kehidupan harian, seperti insentif cukai, bantuan tunai bersasar dan subsidi harga barang keperluan asas.

Bagi sektor perniagaan pula, pakar ekonomi meramalkan pakej rangsangan yang lebih komprehensif akan diumumkan bagi mempercepatkan pemulihan pasca pandemik dan mengukuhkan daya saing negara dalam pasaran global.

Ini termasuk pelbagai insentif bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta sektor swasta yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi.



Anwar bersama warga Kementerian Kewangan di pejabat Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. (Foto FB Anwar Ibrahim)

mi negara.

Di sebalik semua jangkaan ini, persoalan utama adalah sama ada kerajaan akan menyelaraskan perbelanjaan negara dengan sasaran untuk mengurangkan defisit fiskal.

Dalam kerangka Belanjawan 2025, kerajaan juga dijangka merangka pelbagai inisiatif untuk memperbaiki keadaan infrastruktur asas seperti sekolah dan klinik, jalan raya dan bekalan asas luar bandar.

Belanjawan 2025 juga dijangka memberi tumpuan kepada meningkatkan siling ekonomi menerusi penyusunan semula ekonomi melalui peralihan hijau, meningkatkan daya saing dan produktiviti negara, menarik pelaburan, serta mempromosikan inovasi dan digitalisasi khususnya dalam kalangan perusahaan kecil, sederhana dan mikro (PMKS).

Subsidi, bantuan sosial

Perdana Menteri dijangka turut mengumumkan penyasaran subsidi dan bantuan sosial untuk me-

ringankan kos sara hidup, khususnya golongan B40.

Belanjawan ini turut dijangka memperkenalkan langkah untuk memperluas asas cukai dan memastikan sistem percukaian yang progresif sambil mengurangkan ketirisan dalam kutipan cukai. Difahamkan, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tidak akan disentuh buat masa ini, sekiranya ambang gaji minimum tidak mencecah RM3,000 hingga RM4,000. Pada masa ini, gaji bulanan minimum di Malaysia adalah pada RM1,500.

Menurut Maybank Investment, defisit belanjawan bagi 2025 dijangka berada pada paras 3.9 peratus daripada KDNK, berbanding sasaran 4.3 peratus dalam Belanjawan 2024. Ramalan ini berdasarkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 4.2 peratus, dengan anggaran jumlah perolehan RM320.5 bilion.

Pertumbuhan ini dijangka dipacu oleh momentum ekonomi yang berterusan serta peningkatan pendapatan korporat.

Anggaran saiz Belanjawan 2025

dijangka meningkat sebanyak 2.5 peratus kepada RM403.5 bilion, terutama akibat kenaikan gaji penjawat awam yang akan dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu pada 1 Disember 2024 dan 1 Januari 2026.

Dalam pada itu, aras gaji minimum juga mungkin disemak semula kepada RM1,700 hingga RM1,800 sebulan berbanding aras semasa RM1,500 sebulan. Juga dijangka adalah penetapan aras gaji minimum untuk graduan baharu.

Belanjawan 2025 juga dijangka memberi tumpuan kepada rasionalisasi dan pengoptimuman subsidi, termasuk rasionalisasi subsidi petrol RON95. Namun seperti yang disebut Perdana Menteri sebelum ini, penyasaran subsidi bahan api berkenaan tidak akan membabitkan 85 peratus rakyat.

Harga minyak mentah lebih rendah dan ringgit yang lebih kukuh memberi peluang kepada kerajaan untuk berbuat demikian.

Langkah rasionalisasi ini mungkin membabitkan kenaikan harga petrol RON95, disusuli ban-

tuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, difahamkan kerajaan juga dijangka menamatkan subsidi gula dan telur sejajar perancangan untuk mengoptimumkan perbelanjaan awam.

Belanjawan juga mungkin menumpukan kepada pengurangan subsidi pendidikan khususnya bagi golongan berpendapatan tinggi, seperti kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini.

Anwar juga dikatakan akan menumpukan kepada beberapa inisiatif bagi mengukuhkan tabir urus fiskal, meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan mengoptimumkan kos melalui langkah konsolidasi dan rasionalisasi agensi kerajaan.

Pengenalan Akta Perolehan Kerajaan (GPA) pada mesyuarat Dewan Rakyat kali ini adalah langkah legislatif penting selepas Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) bagi memperkukuh tabir urus fiskal dan meningkatkan disiplin serta pengawasan dalam kewangan awam.

Akta ini bertujuan untuk menambah baik pengurusan perbelanjaan awam dan kontrak melalui pelaksanaan tender terbuka serta audit wajib bagi perolehan dan kontrak bernilai tinggi.

Ini relevan untuk kategori 'Bekalan dan Perkhidmatan' yang mewakili 12.5 peratus daripada Perbelanjaan Operasi (OE) di bawah Belanjawan 2024, iaitu item keempat terbesar selepas 'Emolumen', 'Pencen', dan 'Caj Perkhidmatan Hutang' serta lebih besar berbanding 'Subsidi & Bantuan Sosial'.

Sementara itu, sektor kesihatan dan pendidikan dijangka terus menjadi keutamaan dengan hampir satu pertiga daripada peruntukan keseluruhan belanjawan.

Kerajaan juga mungkin mengemukakan reformasi sistem pensijilan, di mana pekerja baharu pekhidmatan awam tidak lagi menerima skim pensijilan tetapi skema kontrak yang lebih baik untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan untuk bayar pensijilan.

Sementara itu TA Securitie berkata dalam konteks politik yang stabil, pasaran dijangka memberi reaksi positif terhadap Belanjawan 2025 dengan unjuran pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan kestabilan dalam pendapatan korporat.

BIMB Securities menyatakan bahawa terdapat kemungkinan kerajaan tidak akan mengemukakan pelaksanaan beberapa projek mega dalam Belanjawan 2025 kerana mahu menumpukan kepada program rakyat yang lebih mesra.

Pacu pertumbuhan ekonomi, bela rakyat

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini akan memacu lagi pertumbuhan ekonomi dan memberi keadilan kepada rakyat terbanyak.

Menerusi hantaran di Facebook semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semasa membuat tinjauan di pejabat Kementerian Kewangan pagi semalam, beliau mendapati kesia-sia pasukan belanjawan dan warga Kementerian Kewangan begitu rapi.

"Kendatipun sibuk merangka Belanjawan

yang terang-kum dan penuh teliti ini, saya gembira melihat keterujaan pasukan belanjawan dan turut bergambar bersama mereka. Usai mengambil gambar-gambar kenangan, saya menandatangani dokumen-dokumen berkaitan Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan esok (hari ini) di Dewan Rakyat," katanya.

Anwar turut mengucapkan terima kasih kepada warga kerajaan serta semua pihak terbabit yang memerah keringat dan memberi cadangan bernas untuk menjayakan Belanjawan 2025.

BERNAMA

Bersihkan 'setitik nila' pegawai Imigresen cemari imej Malaysia

Isu kekerasan dan penderaan didakwa dilakukan beberapa pegawai Jabatan Imigresen (Imigresen) terhadap tahanan etnik Rohingya di Depot Imigresen Sementara Bidor (DISB) dan Kem Wawasan Langkawi walaupun dianggap kes terpencil wajib ditangani penuh ketelusan dan kesungguhan.

Pendedahan hasil siasatan ditemui Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) itu bukan sahaja menjejaskan imej Imigresen, bahkan membabitkan nama baik negara selama ini memperjuangkan hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa, terutama bagi masyarakat tertindas seperti etnik berkenaan di Myanmar dan penduduk Gaza serta rakyat Palestin umumnya.

Justeru, kita mahu Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan siasatan mendalam dan tidak berat sebelah. Keadilan mesti ditegakkan bukan sahaja terhadap mangsa, bahkan demi menjaga kredibiliti dan moral anggota serta pegawai Imigresen lain yang selama ini menjalankan tugas dengan bertanggungjawab, berintegriti dan berhemah. Nama baik Jabatan Imigresen perlu dipulihkan melalui tindakan tegas dan telus terhadap pelaku menyalahgunakan kuasa.

Kita mengingatkan insiden sebegini boleh diibaratkan 'kerana nila setitik rosak susu sebelanga'. Apatah lagi, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun depan perlu memperlihatkan komitmen serius dalam menegakkan hak asasi manusia pada peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Imej Malaysia sebagai pembela keadilan global boleh tercemar sekiranya insiden kekerasan seperti ini tidak ditangani dengan betul, apatah lagi rekod kita sering bersuara lantang mengenai penindasan di Gaza dan Palestin.

Kita menyarankan Imigresen mengambil langkah proaktif untuk memperbaiki keadaan dengan meningkatkan latihan kepada anggota serta pegawainya supaya memahami dan mengamalkan piawaian antarabangsa seperti dinyatakan dalam 'Peraturan Nelson Mandela', selain garis panduan Penjagaan Kesihatan Dalam Tahanan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC). Selain itu, latihan berterusan dalam menangani tahanan dengan berperikemanusiaan juga perlu diberi keutamaan termasuk menekankan aspek mental dan emosi serta menghapuskan sebarang elemen boleh membawa kepada penderaan.

Sebagai langkah tambahan, Imigresen boleh mewujudkan saluran aduan telus dengan identiti pengadu dilindungi yang membolehkan tahanan atau kakitangan dan pegawai jabatan melaporkan sebarang salah laku tanpa rasa takut terhadap tindakan balas. Keberkesanan sistem ini akan membantu dalam mengelakkan kejadian sama berulang.

Selain itu, cadangan memperbaiki infrastruktur depot tahanan perlu dilaksanakan segera. Depot tahanan lemah dari segi struktur dan pemantauan membuka ruang kepada lebih banyak insiden melarikan diri dan salah laku. Pengurusan lebih ketat dan berkesan mesti dipantau pihak atasan agar depot tahanan di negara ini selari piawaian antarabangsa.

Kita yakin dengan tindakan menyeluruh dan telus, Malaysia dapat memastikan prinsip hak asasi manusia terus ditegakkan di dalam negara sambil mengekalkan reputasi kita sebagai pembela keadilan di pentas antarabangsa. Apatah lagi antara tanggungjawab penting Malaysia ketika memperkerusi ASEAN adalah menyelesaikan isu lama yang menimpa etnik Rohingya, selain terus memperjuangkan nasib penduduk Palestin serta kini, Lubnan disebabkan keganasan rejim Israel.

Kajian bencana penting sebagai tindakan proaktif menyelamatkan



AHMAD ISMAIL

TRAGEDI tanah runtuh dan kepala air sehingga menyebabkan kehilangan nyawa manusia, harta benda dan memberikan kesan kepada beribu-ribu orang menjadi cerita berkala yang mengerikan selepas bencana berlaku. Secara perlahan-lahan tragedi itu hilang daripada ingatan ramai sehingga kejadian baharu berlaku pula.

Pihak bertanggungjawab mengenal pasti titik panas membabitkan kepala air dan banjir, memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan dan mengambil langkah awal keselamatan terutama kawasan yang menjadi tumpuan musim cuti persekolahan atau pelancongan.

Musim perubahan Monsun Barat Daya antara masa selalu berlaku kejadian tanah runtuh dan banjir apabila curahan hujan yang melampau dan terdapat banyak kawasan hutan diterokai terutamanya di kawasan lereng bukit atau tanah tinggi.

Apabila musim hujan berlaku, kerjasama pihak Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dengan semua pihak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sangat penting bagi mengambil tindakan awal sebelum bencana berlaku agar dapat menyelamatkan ramai orang serta memberikan pendidikan kepada masyarakat.

Maklumat yang disampaikan oleh pihak MET Malaysia mesti segera dianalisis dan diambil tindakan terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi dan titik panas yang sudah dikenal pasti.

Begitu juga dengan menasihati masyarakat awam dan pengusaha tempat rekreasi, penginapan dan penduduk tempatan mesti segera dilaksanakan.

MET Malaysia sebagai peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik, bukan sahaja membekalkan



KERJA-KERJA baik pulih sedang dijalankan ekoran kejadian tanah runtuh di Taman Melawati, Kuala Lumpur pada Selasa lalu. - UTUSAN/AMIR KHALID

perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang cekap dan berkesan untuk kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan lestari, tetapi juga menjalankan penyelidikan di kawasan sensitif dan titik panas yang dikenal pasti.

Kajian tahap curahan hujan dan keadaan muka bumi misalnya yang mungkin sensitif boleh berlaku kepala air dan tanah runtuh perlu bagi memandu keputusan pembangunan dan tindakan keselamatan serta persediaan yang perlu dilakukan.

Hasil kajian akan dapat memberikan maklumat kepada semua pihak agar mengambil tindakan proaktif bukan sahaja untuk keselamatan nyawa manusia mahupun harta benda tetapi juga alam sekitar serta kepelbagaian biologi termasuk kemungkinan berlaku konflik hidupan liar dengan manusia selepas bencana dan dalam masa jangka panjang.

Kajian, maklumat, langkah persediaan, aktiviti pemantauan dan peringatan akan dapat meyakinkan masyarakat awam terutamanya penduduk tempatan yang berada dalam ketakutan apabila berlaku musim hujan dan teringat



Pemantauan di kawasan sensitif dapat menjangkakan tindakan tepat yang boleh diambil."

peristiwa lepas tentang tanah runtuh dan kepala air.

Pemantauan di kawasan sensitif dapat menjangkakan tindakan tepat yang boleh diambil.

Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pemaju di kawasan sensitif mestilah sentiasa merujuk panduan sedia ada dan sentiasa ditambah baik hasil pemantauan dan kajian demi keselamatan awam.

Kos merujuk dan mengikut panduan jauh lebih murah berbanding dengan kos menyelesaikan masalah bencana.

IMPAK ALAM SEKITAR

Setiap kali bencana, perkara sama selalu disebut berkaitan pembangunan yang tidak selari dengan perubahan alam sekeliling dan jangkaan

kesannya. Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang tidak begitu cekap dan tidak diikuti dalam setiap perancangan pembangunan dan selepasnya boleh memberikan kesan buruk kepada alam sekitar.

EIA adalah satu kaedah bagi mengenal pasti dan meramal kesan negatif serta positif sesebuah projek pembangunan yang akan dijalankan terhadap persekitaran, kesihatan manusia, sosial dan ekonomi.

Pandangan dalam laporan EIA mesti dihormati kerana ia telah dilakukan oleh pakar-pakar daripada pelbagai bidang dan mendapat pandangan awam termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kegagalan dalam penyediaan laporan EIA yang baik, penelitian oleh pihak yang berkepentingan serta tindakan semasa pembangunan dan selepasnya, menyebabkan teguran yang sama berlaku selepas bencana seperti banjir kilat, tanah runtuh selain mengganggu struktur alam semula jadi.

Semua pihak mesti melihat laporan atau perancangan pembangunan terutamanya mereka yang akan terlibat dalam menyelamatkan

mangsa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Kejadian tanah runtuh Batang Kali, Selangor pada 2022 yang menyebabkan kematian terbesar seramai 31 orang dalam sejarah dan tragedi kepala air dan banjir lumpur pada 2021 di Gunung Jerai, Kedah yang mengorbankan enam nyawa serta mengakibatkan lebih 2,000 penduduk terkesan, masih segar dalam ingatan yang membuatkan ramai dalam ketakutan.

Malah kejadian Highland Tower di Kuala Lumpur runtuh pada 1993 juga masih menjadi contoh perbincangan.

Pemantauan boleh dilakukan dengan mudah dengan teknologi maju. Koleksi data harian di kawasan sensitif boleh dilakukan dengan cepat dan dianalisis untuk tindakan segera terutamanya tanda amaran kepada penduduk tempatan atau kawasan rekreasi. Semua kawasan rekreasi mesti dikenal pasti dan sistem amaran awal mesti disediakan.

Penggunaan kemudahan yang dilengkapi dengan sistem kawalan penerbangan maju dan berteknologi navigasi membolehkan mereka terbang secara automatik melalui laluan yang ditetapkan dengan keupayaan melaporkan kedudukan, arah, mengambil gambar serta data-data alam sekeliling dan menghantar maklumat terus kepada stesen kawalan diperlukan.

Dengan kepakaran yang ada, maklumat yang didapati dapat memandu keputusan dalam memberikan nasihat, amaran kepada umum dan tindakan lain pihak berkuasa.

Oleh kerana ada bencana yang boleh diramalkan dan ada bencana yang tidak dijangka, maka kajian tentang bencana perlu dilakukan sepanjang masa dan melibatkan pelbagai pihak.

Kajian-kajian yang dilakukan di universiti mungkin boleh dikongsikan dan peruntukan kewangan untuk kajian bencana juga perlu mencukupi sebagai tindakan proaktif kawalan bencana.

PROFESOR Dr. Ahmad Ismail ialah Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia.

SULUH WAHYU

Oleh
Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz



MALAYSIA terkejut dengan banjir kilat melanda Lembah Kelang, Selasa lalu. Sebagai warga Taman Melawati, saya rasa gentar mendapat khabar limpahan air berhampiran Zoo Negara dan kejadian tanah runtuh di satu kawasan Taman Melawati. Pun begitu, kediaman saya tidak terjejas teruk rentetan hujan lebat tersebut.

Kejadian itu pastinya meninggalkan luka dan parut mendalam kepada pihak yang terjejas dengan kejadian tanah runtuh dan banjir kilat. Semoga Allah berikan mereka kesabaran dan keteguhan jiwa menghadapi ujian ini.

Sedar atau tidak, ujian hidup dalam bentuk kesusahan dan kesenangan sudah menjadi sebahagian lumrah hidup manusia (al-Baqarah:155-157 & al-Anbiya': 35)

Yang penting, bagaimana kita mengurus musibah yang menimpa mengikut panduan agama. Berikut beberapa panduan boleh kita praktik:

1) BERUSAHA MENCEGAH KEMUNGKINAN MUSIBAH YANG BAKAL BERLAKU

Konsep mencegah lebih baik daripada merawat terpakai dalam hampir semua bidang dan kehidupan manusia. Pengalaman lampau bencana alam yang melanda negara sepatutnya diambil pelajaran oleh pihak berkuasa untuk menghasilkan sistem yang mampu mencegah bencana alam atau mengurangkan kadar kemusnahan.

Nasihat pakar bidang terutama sekali berkenaan pembangunan bandar dan pengurusan risiko bencana perlu diambil serius.

2) SABAR TERUTAMA DI AWAL MUSIBAH

Rasulullah SAW pernah melewati di sebelah seorang wanita yang menangis di sebuah kubur. Baginda SAW berkata kepadanya yang bermaksud: *Takutlah kepada Allah dan bersabarlah*. Wanita itu yang tidak mengenali Baginda berkata dengan kasar, *Berambuslah kamu! Engkau tidak rasa musibah yang aku alami*.

Setelah Rasulullah SAW berlalu dari situ ada sahabat memberitahu wanita itu bahawa orang yang menasihati tadi adalah Rasulullah SAW. (Risau dengan sikapnya), dia segera



TANPA reda, manusia tidak akan dapat meneruskan hidup dengan normal kerana akan berterusan menyalahkan takdir. - UTUSAN/GAMBAR HIASAN

Perkasa pengurusan musibah dan bencana

pergi ke rumah Rasulullah SAW dan dia dapati tiada penjaga di pintu Nabi (sebagaimana lazimnya rumah para raja). Dia berkata, *Wahai Rasulullah, tadi aku tidak mengenalmu*. Rasulullah SAW bersabda, *'sabar itu di awal musibah'*. (Sahih al-Bukhari, 1283).

Kemampuan sabar ketika menerima ujian mampu mengawal keruntuhan emosi mangsa yang bakal membuahkan banyak kesan sampingan lain. Ia juga mampu mengangkat darjat iman mangsa.

Sabda Nabi SAW bersabda bermaksud: *Menakutkan sekali urusan orang beriman. Semua urusannya membawa kepada kebaikan dan ia tidak akan berlaku kecuali kepada orang beriman sahaja*. Sekiranya dia beroleh kesenangan dia akan bersyukur dan syukur itu baik untuk dirinya. Sekiranya dia beroleh kesusahan dia akan sabar dan sabar itu juga baik untuk dirinya (Sahih Muslim, 2999).

3) YAKIN TANGGUNG MUSIBAH MELANDA

Firman Allah bermaksud: *Allah tidak memberati seseorang melainkan (sebagai kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya*. (Orang yang dalam kesempatan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. (al-Talaq: 7)

4) REDA MUSIBAH & UJIAN

Tanpa reda, manusia tidak akan dapat meneruskan hidup dengan normal kerana akan berterusan menyalahkan takdir.

Ingatlah firman Allah yang bermaksud: *Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah*. (al-Hadid: 22)

5) KENANG NIKMAT ALLAH SEBELUM DATANG MUSIBAH

Ini sebagaimana firman Allah bermaksud:

Dan ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya. (Ibrahim: 34)

6) CARI HIKMAH SEBALIK MUSIBAH

Allah berfirman bermaksud: *Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang penceroohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci, dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu*

tidak mengetahuinya. (al-Baqarah: 216)

7) TIDAK PUTUS ASA DAN SENANTIASA BERDOA KEPADA ALLAH AGAR MUSIBAH DIGANTI DENGAN SESUATU YANG LEBIH BAIK

Bagi yang ditimpa sebarang bencana, mari kita sama-sama membaca doa musibah yang pernah dibaca isteri Nabi SAW Ummu Salamah r.ha selepas kematian suaminya yang gugur syahid dalam perang Uhud.

Baginda SAW berpesan kepadanya bermaksud:

Tiada mana-mana Muslim yang ditimpa musibah, lalu dia berdoa dengan doa ini, 'Sesungguhnya kami ini milik Allah dan sesungguhnya kami akan kembali pada-Nya' (Petikan al-Baqarah 2:156). Ya Allah! Berikan ganjaran padaku dalam musibah yang menimpaku ini, dan gantikanlah ia dengan sesuatu yang lebih baik.' - melainkan Allah akan ganti kepadanya kehilangan itu dengan sesuatu yang lebih baik. Selepas beliau mengamalkan doa ini, Allah mengganti kehilangan suaminya dengan suami yang jauh lebih baik iaitu Rasulullah SAW sendiri yang menghawininya (Sahih Muslim, 918).

Selain panduan di atas, perubahan sikap juga perlu dibuat kerana kadangkala bencana banyak berpunca dari kecuaiannya sendiri.

Berdasarkan laporan Jabatan Kerja Raya (JKR), kejadian tanah runtuh di Jala E Taman Melawati dikenal pasti berpunca daripada kegagalan sistem pengaliran longkang di Jalan G2.

Penduduk tempatan dan pihak berkuasa tempatan perlu 'bangkit bersama' memantau aktiviti tidak bertanggung jawab yang menyebabkan kegagalan sistem kawalan bencana alam di mana sahaja.

Jangan sampai sikap tidak endah sesetengah kita mengundang bencana yang memangsakan diri sendiri dan orang lain.

Pegang dan gigitlah firman Allah ini: *Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum)*. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya. (al-Anfal: 25)

Semoga Allah meneguhkan jiwa mangsa dan memulihka keadaan tempat yang dilanda bencana.

Penulis ialah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Pusat Bahasa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Belanjawan 2025 dijangka bantu kukuh nilai ringgit

Oleh HENDRA WINARNO
hendrawinarno@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Belanjawan 2025 dijangka akan membantu meningkatkan nilai mata wang tempatan berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) apabila dibentangkan hari ini, didorong oleh ramalan pengumuman yang menyokong pertumbuhan ekonomi, kata penganalisis.

Pada pukul 9 pagi semalam, ringgit menyusut kepada 4.2970/3030 berbanding dolar AS daripada 4.2900/2960 ketika ditutup pada Rabu.

Mata wang tempatan kemu-

dian terus meleset apabila ditutup pada 4.3100/3160.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, ringgit juga dijangka bergerak mendatar sekitar RM4.29 hingga RM4.30 berbanding dolar AS, dengan paras rintangan pada RM4.31 dan paras sokongan pada RM4.21.

Katanya, analisis teknikal menunjukkan nilai ringgit cenderung berada pada paras rintangan disebabkan faktor kadar faedah AS.

"Menjelang Belanjawan 2025 juga pelabur dan pedagang sedang memantau momentum

konsolidasi fiskal yang akan dilaksanakan oleh kerajaan.

"Mereka menjangkakan defisit fiskal akan terus mengecil. Langkah-langkah seperti rasionalisasi subsidi RON95 dan pengumuman langkah-langkah berkaitan cukai dijangka akan membantu mengurangkan defisit ini.

"Ini diharapkan dapat memberi kesan positif kepada ringgit kerana konsolidasi fiskal akan mengukuhkan kewangan kerajaan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas Afzanizam, penilaian yang lebih baik oleh agensi penarafan kredit seperti S&P Global

Ratings, Moody's, dan Fitch Rating juga akan menarik lebih banyak minat pelabur asing terhadap pasaran modal Malaysia, termasuk pasaran bon dan saham.

"Selain itu, dalam konteks kadar faedah di rantau Asia, beberapa bank pusat seperti di Filipina, Indonesia dan Thailand telah menurunkan kadar faedah mereka.

"Namun, Bank Negara Malaysia (BNM) cenderung mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang boleh memberi impak positif kepada ringgit kerana pendekatan berhati-hati dalam menguruskan risiko inflasi," ujarnya.

Mengulas mengenai pasaran saham, beliau berkata, isu di sektor luaran, terutamanya sektor teknologi, menjadi fokus utama.

"Sekatan eksport yang berkaitan dengan keselamatan negara boleh menjejaskan pendapatan syarikat-syarikat teknologi, yang seterusnya mempengaruhi sentimen pasaran.

"Bagaimanapun, Belanjawan 2025 juga akan diperhatikan dari aspek perbelanjaan pembangunan dan sasaran ekonomi tahun depan, yang berpotensi menjadi pemangkin positif untuk sentimen pasaran saham," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 18 OCT 2024



Belanjawan 2025

PERDANA Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan dokumen Belanjawan 2025 ketika hadir meninjau persiapan pembentangan belanjawan di Kementerian Kewangan di Putrajaya semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Lebih 30 juta tunggu khabar gembira

um
18/10

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Lebih 30 juta rakyat menanti khabar gembira pengumuman Belanjawan 2025 petang ini dengan harapan tiada yang tercicir daripada menikmati semua inisiatif dan pembangunan sama rata sejajar sasaran negara berpendapatan tinggi menjelang 2027.

Pakar ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai berkata, bagi mencapai matlamat itu, intipati Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 dibentang hari ini dijangka menyentuh kesejahteraan rakyat dengan memfokuskan untuk menambah pendapatan pekerja, mengurangkan jurang sosio ekonomi

Belanjawan 2025 diharap penuhi setiap lapisan masyarakat, tiada tercicir, pembangunan sama rata

dan kos sara hidup secara menyeluruh.

Oleh itu, menurut beliau, kek ekonomi yang bakal diumumkan perlu bersifat lebih menyeluruh dan memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat terutama dalam kalangan kumpulan M40 dan B40

agar tidak ada yang terlepas pandang.

"Pengumuman Belanjawan 2025 pada hari ini perlu melihat semula usaha meningkatkan pendapatan dan produktiviti rakyat terutamanya menambah poket isi rumah sejajar sasaran negara berpendapatan tinggi menjelang 2027.

"Memandangkan Malaysia diunjur mencapai pertumbuhan mengatasi sasaran bagi 2024 untuk melepasi sasaran 4.0 hingga 5.0 peratus, namun segala limpahan itu seharusnya memberi makna dari segi jaringan sosial rakyat dengan salah satu caranya kerajaan boleh meningkatkan bantuan tunai kepada kumpulan yang layak," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Bersambung di muka 2

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 18 OCT 2024

Lebih 30 juta tunggu khabar gembira

um
18/10

Dari muka 1

Menurut Barjoyai, antara tiga aspek mungkin diberikan tumpuan iaitu menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, pemusatan pertumbuhan ekonomi dan menangani gejala rasuah.

"Pada tahun ini, kerajaan meningkatkan peruntukan bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada RM10 bilion. Bagaimana pula pada 2025? Jika melihat kos sara hidup semasa, jumlah itu tidak mencukupi.

"Jadi ia perlu ditambahkan kepada RM15 bilion supaya kadar maksimum STR bertambah untuk menampung perbelanjaan isi rumah," katanya.

Pada petang ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan Belanjawan 2025 yang bertemakan Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera.

Pembentangan ini adalah belanjawan ketiga yang digarap Kerajaan Madani di bawah pimpinan Anwar.

Mengulas lanjut, Barjoyai berkata, kerajaan melalui belanjawan juga perlu memfokuskan memacu pertumbuhan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) memandangkan lebih 1.2 juta syarikat industri itu bergelut untuk meneruskan perniagaan ekoran kekangan kewangan.

"Memandangkan terdapat 70 peratus pekerja dalam sektor PMKS, mereka sebenarnya tidak menikmati limpahan ekonomi kerana pendapatan masih rendah. Jadi kumpulan ini perlu diberikan perhatian," katanya.

Selain itu, beliau meminta kerajaan agar memfokuskan peningkatan bantuan soko-

Cukai Fat Food boleh membawa kepada kenaikan harga makanan tidak sihat, dan ada kebimbangan bahawa peniaga akan memindahkan kos cukai tersebut kepada pengguna."

SARAVANAN THAMBIRAJAH

ngan kewangan untuk rakyat yang hilang pekerjaan ekoran trend pembuangan pekerja di syarikat antarabangsa dan gergasi besar dengan alasan untuk mengecilkan operasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah berkata, sebarang pengenalan cukai termasuk Cukai Makanan Tidak Sihat dikenali sebagai *Fat Tax* dan peningkatan cukai tembakau serta cecair vape langkah terbaik untuk meningkatkan kesihatan rakyat.

Namun, menurut beliau, kerajaan perlu memastikan pelaksanaan cukai tidak membebaskan pengguna, dengan penguatkuasaan tegas terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga.

"Cukai *Fat Food* boleh membawa kepada kenaikan harga makanan tidak sihat, dan ada kebimbangan bahawa peniaga akan memindahkan kos cukai tersebut kepada pengguna.

"Oleh itu, untuk mengelak-

kan kenaikan kos sara hidup kerajaan perlu meningkatkan penguatkuasaan Akta Anti Pencatutan bagi memastikan tiada peniaga berani mengambil kesempatan menaikkan harga makanan dan barangan lain," katanya.

Katanya, kerajaan juga perlu melaksanakan pemantauan harga secara berkala untuk memastikan harga makanan dan barangan asas lain kekal berpatutan bagi semua pengguna.

Beliau juga melihat sudah tiba masanya kerajaan meningkatkan cukai terhadap produk tembakau, termasuk cecair vape yang semakin popular dalam kalangan orang muda.

Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohd. Izzat Afifi Abd. Hamid pula berkata, pihaknya menaruh harapan Belanjawan 2025 memberikan tumpuan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat selain memastikan pertumbuhan ekonomi akan terus berkembang selaras dengan kerangka Ekonomi Madani.

Katanya, antara yang perlu diberikan perhatian adalah pendidikan, pembangunan dan perumahan.

"MBM sentiasa berharap setiap perancangan pihak kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan pembangunan negara berlaku secara efisien lagi inklusif," katanya.

Dalam pada itu beberapa persatuan dan individu seperti Pertubuhan Usahawan Getah Bumiputera Malaysia (PUGBM), persatuan nelayan, pesawah dan pekerja ekonomi gig turut mengharapkan Belanjawan 2025 turut memberi impak kepada kelangsungan pekerjaan dan kehidupan mereka yang semakin men-

Hutang Persekutuan dijangka turun kepada 7.5% tahun ini

Oleh ARIF AIMAN ASROL
dan AIMAN ALI
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Trend pertumbuhan hutang Kerajaan Persekutuan dijangka terus menurun kepada sekitar 7.5 peratus hujung tahun ini berbanding 8.6 peratus pada tahun lalu dan 10.2 peratus pada 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penurunan itu menunjukkan komitmen kerajaan bagi memastikan nisbah hutang kepada anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tidak melebihi 60 peratus boleh dicapai dalam tempoh jangka sederhana seperti ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (Akta 850).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, sehingga akhir Jun lalu, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat sebanyak RM1,227.5 bilion.

"Bagi tempoh Januari hingga Jun lalu, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pula adalah



Bagi tempoh Januari hingga Jun lalu, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pula adalah berjumlah RM112.5 bilion, lebih rendah berbanding RM128 bilion bagi tempoh sama pada 2023."

ANWAR IBRAHIM

berjumlah RM112.5 bilion, lebih rendah berbanding RM128 bilion bagi tempoh sama pada 2023.

"Secara amnya, setiap tahun kerajaan perlu membuat pinjaman bagi membiayai defisit fiskal dan membuat bayaran balik hutang yang matang berikutan kedudukan kewangan kerajaan yang masih dalam defisit.

"Terimaan pinjaman yang digunakan bagi membiayai defisit dan bayaran balik hutang matang adalah dibenarkan berdasarkan kepada peruntukan

yang dinyatakan dalam Akta Akta berkaitan pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) di Dewan Rakyat semalam.

Anwar berkata, dalam memastikan paras hutang terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan telah dan akan dilaksanakan dalam usaha mengurangkan paras hutang pada tahun-tahun akan datang.

Kata beliau, antaranya adalah dengan meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara

beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara.

"Selain itu, memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan supaya kerajaan sentiasa mempunyai lebih baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan (DE).

"Seterusnya, mengoptimalkan perbelanjaan awam antaranya menerusi pelaksanaan penyesaran subsidi diesel mulai 10 Jun lalu bagi mengurangkan pembaziran dan ketirisan di samping melindungi kesejahteraan golongan rentan.

"Pada masa sama, memastikan pinjaman kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai DE yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 18 OCT 2024

A flood of lessons long unheeded

Tuesday's flash floods lay bare KL's yet to be solved vulnerabilities

LAST Tuesday's twin calamities of inner-city flooding and a residential area landslide exposed again the vicious cycle of oversight and bad maintenance in the country. With resignation, Kuala Lumpur folk waded through waist-high waters as they sought to mitigate the damage to their homes and property. The Taman Melawati landslide — triggered by what else, a blocked drainage system — rekindled the Highland Towers horror. The landslide just about overran Jalan G2 of the housing estate and fortunately, only four houses and a car were damaged. This time, good fortune was on the residents' side. Though the landslide didn't reach Highland Towers' magnitude, it did bare a long-running problem: the lack of will to adopt pre-emptive measures to head off disasters. At least the Public Works Department hill monitoring was good enough to sound an early warning for residents to vacate their homes. Put things into context, billions have been spent on flood alleviation measures, including activating the RM2 billion Smart Tunnel, a 10km long stormwater drainage system that doubles as a major artery into the capital.

In the long term, maintaining and developing Kuala Lumpur's public infrastructure must take into account a rising population, demand for more housing, and a fast developing climate crisis.

Here's the twist: as the thunderstorm raged, the Smart Tunnel executed its mission to divert rising waters but flooding still happened. To be fair, the Smart Tunnel's 2007 completion was so long ago that rapid development probably exceeded the tunnel's capacity. The local authorities have some explaining to do, especially on projects that looked good on city plans but fell short on rectifying a strained drainage system. Were not enough funds and resources allocated to upgrades and maintenance? The flash floods also blocked the only route into Parliament House, stranding members of parliament and forcing the house to delay its proceedings. Perhaps the MPs should move an

emergency motion to reprimand those responsible for curbing the floods.

In the long term, maintaining and developing Kuala Lumpur's public infrastructure must take into account a rising population, demand for more housing, and a fast developing climate crisis. Changing weather systems will compel inhabitants to either build costly anti-flood measures or relocate to flood-free zones. In the meantime, the authorities have to consider the following immediate remedies. Clean the gutters, downspouts, splash pads, drainage ditches and storm drains. They have to deepen rivers, enlarge reservoirs, and extend flood barriers, while waiting for the RM15 billion Flood Mitigation Plan to kick in by 2030. Anything less means further risks to lives, properties and the nation's economy.

NEW STRAITS TIMES
18 OCT 2024
Tarikh:

Mental health inclusivity

This year's World Mental Health Day highlights the vital connection between mental health, work

DATUK DR MUHAMMED RADZI ABU HASSAN AND DR RABINDRA ABEYASINGHE
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

In today's fast-paced world, where nearly 60 per cent of the global population spend a significant portion of their lives at work, the mental health of employees has become a critical issue.

This year's World Mental Health Day highlighted the vital connection between mental health and work. The workplace environment can either exacerbate or alleviate mental health conditions, making it both a risk and a protective factor.

High stress levels, job insecurity and poor work-life balance are common risk factors that negatively impact employees' mental health.

Conversely, supportive management, a positive work environment and access to mental health resources can promote mental health and well-being.

CHANGING EMPLOYMENT LANDSCAPE IN MALAYSIA

Recent findings from the National Health and Morbidity Survey revealed the prevalence of depression in Malaysia has doubled between 2019 and 2023.

The highest rates of depression are found among people aged 16 to 19, followed by those aged 20 to 29 and 30 to 39.

These age groups are integral parts of the future and current workforce, and their mental health issues must be addressed to prevent more severe conditions.

Economic challenges and higher living costs may lead some to take on extra work online, further increasing the stressors on one's mental health.

A report by the Malaysia Digital Economy Corporation showed significant growth in the local gig economy, with more than 100,000 new participants between 2022 and 2023.

This brings new stressors such as the experience of social isolation if working alone or remotely, uncertainty and instability of income and anxiety for the future due to market competitiveness, perceptions about artificial intelligence and the lack of

social protection.

The impact of mental health issues in the workplace is profound. Economically, poor mental health leads to decreased productivity, increased absenteeism and higher turnover rates.

Globally, it is estimated that 12 billion working days are lost each year due to mental health conditions like depression and anxiety, costing the global economy US\$1 trillion in lost productivity.

Poor mental health in the workplace can also impact the working environment and interpersonal relationships, leading to increased tension and conflict, workplace harassment, bullying, discrimination and exclusion.

Outside of the workplace, the impacts of poor working environments can extend to families and communities affecting interpersonal relationships and lifestyle choices.

In healthcare settings, the challenges are particularly acute.

Healthcare professionals often work in high-pressure environments with long hours, high patient loads and the emotional toll of dealing with illness and death.

These factors can contribute to burnout, anxiety and depression. Additionally, toxic work environments characterised by lack of support, inadequate staffing and poor management can exacerbate these issues.

Healthcare workers may also face bullying and harassment from colleagues or superiors.

The lack of a respectful workplace can significantly affect employees' mental health across various sectors. A respectful workplace is one where employees feel valued, heard, and supported.

When this is lacking, employees may experience feelings of isolation, low morale, and decreased motivation. This can be particularly detrimental in high-stress professions, where the absence of respect and support can lead to severe mental health issues.

NEED FOR SUPPORTIVE AND INCLUSIVE WORKPLACES

As such, it is essential to invest in mental health support and foster inclusive workplaces that accommodate the needs of all employees, including those with mental health conditions.

Creating such environments can yield substantial economic bene-

Creating such environments can yield substantial economic benefits, as well as improve familial and community well-being.



The lack of a respectful workspace can significantly affect employees' mental health across various sectors. A respectful workspace is one where employees feel valued, heard and supported. PIC COURTESY OF HEALTH MINISTRY

fits, as well as improve familial and community well-being.

However, many people with mental health conditions face barriers in securing and maintaining employment due to stigma and discrimination, which not only threatens their economic stability but can also exacerbate their mental health issues.

A safe and healthy work environment is a right for all, and addressing these barriers can help mitigate the risk factors associated with unemployment and poor mental health, benefiting the entire community.

Workplaces can become more supportive by implementing interventions that prevent mental health conditions, promote positive mental health, and support employees with mental health issues.

These interventions can include improving working conditions, creating an enabling and respectful workplace, providing manager training in mental health, and offering supported employment initiatives and return-to-work programmes.

The Health Ministry has recently taken an important step by collaborating with the Human Resources Ministry through a memorandum of understanding between the National Centre of Excellence for Mental

Health and the National Institute of Occupational Safety and Health for mental health at the workplace.

There is also an existing programme called the KOSPEN-WOW to increase awareness of mental health issues at work.

There is, however, a need to further enhance the current scope of services to include quality promotive and preventative services in the community for support.

ROLE OF COMMUNITY NETWORKS AND DEINSTITUTIONALISATION

Deinstitutionalisation refers to the process of shifting mental health care from large, centralised institutions to community-based settings.

It emphasises the importance of integrating individuals with mental health conditions into society, allowing them to live more independently and with dignity.

Creating mental health-inclusive and supportive workplaces can enhance support within the community.

These networks play a vital role and are a step towards destigmatising mental health conditions and deinstitutionalisation.

They can provide essential services such as peer support groups, mental health education, and local resources that help individuals manage their conditions.

These networks can work in tandem with workplace initiatives to create a comprehensive support system.

By fostering mental health-inclu-

sive workplaces, we can support this transition by ensuring that individuals have access to service that protect their mental health and that people with such condition have access to similar services and employment opportunities, preventing further marginalisation.

Addressing mental health at work is not just a moral imperative but also an economic one, as it can lead to increased productivity, reduced absenteeism, a more harmonious work environment and ultimately happy families and communities.

As we observe World Mental Health Day, let us commit to transforming our workplaces into environments that prioritise mental health and well-being.

Employers, policymakers and community leaders must work together to create supportive, inclusive and respectful workplaces.

By investing in mental health resources, promoting inclusive workplaces and supporting mental health in both the workplace and communities, we can foster a healthier, more productive society.

It's time for employers to recognise the importance of mental health and take proactive steps: support their employees' well-being both professionally and personally.

Dr Muhammed Radzi is the Health director-general and Dr Rabindra the World Health Organisation representative for Malaysia, Brunei and Singapore

STIMULATE AND CATALYSE

BIG SURPRISES MAY BE IN STORE

2025 Budget set to realise Madani Economy, spur growth and keep finances in check



ZURAIMI
ABDULLAH

KUALA LUMPUR

THE 2025 Budget that will be tabled today may spring some big surprises as the government continues to stimulate and catalyse Malaysia's economic growth and keep its finances in check.

There may be clarity on the RON95 petrol subsidy rationalisation and further subsidy cuts, especially for electricity.

There may be new taxes, including for high-value goods, which was mooted in the previous budget, and for sugar-sweetened beverages. There are also rumours that the Goods and Services Tax



(GST) may return to replace the Sales and Service Tax (SST).

A GST revival is unlikely when Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim presents the budget in Parliament today.

Sources say the GST can be a solution for much of the government's fiscal woes, but it has its drawbacks — it can be regressive as it puts the poor at a greater disadvantage.

They say the budget will provide assistance for the people and small and medium businesses to alleviate the rising cost of living and operating costs.

The government must remain responsible and not be reckless despite the improving economic outlook this year and in 2025, they say.

Malaysia's gross domestic product (GDP) grew 5.1 per cent in the first six months of the year, after growing 5.9 per cent in the second quarter to follow up on the 4.2 per cent expansion in the first three months.

This was fuelled by robust domestic demand, a strong recovery in exports and a thriving tourism sector.

Given the country's economic



Stalls at Pasar Kedai Payang in Kuala Terengganu. An economist believes social security programmes like cash transfers will remain, with the possibility of increasing the allocation and expanding the scope to include the M40 group. NSTP PIC BY GHAZALI KORI

resilience, there are high chances that the government will revise the GDP growth forecast for the year to higher than the official four to five per cent.

This will be the prime minister's second full budget and it could be the toughest one thus far for his administration, industry observers say.

For one, there is a need to reduce government debt to a more sustainable level.

Up to June, the overall government debt stood at RM1.23 trillion, or 63.1 per cent of the GDP.

The statutory government debt is likely to register at 62 per cent of the GDP this year, below the limit of 65 per cent, but above the 60 per cent threshold. The Fiscal Responsibility Act mandates that the debt level must be below 60 per cent in the medium term.

Then, there is the fiscal deficit issue.

The country's fiscal deficit missed the 3.5 to 3.0 per cent target set during the mid-term review of the 12th Malaysia Plan and is expected to reach 4.3 per cent of the GDP, or RM84 billion, this year.

CGS International economists Nazmi Idrus and Mas Aida Che Mansor said the miss reflected the government's struggle to keep its finances in check.

This comes amid expectations of lower revenue collection next year and lower dividends from Petronas, as well as a jump in spending on emoluments following civil servant pay hikes.

The economists said the government had limited low-hanging choices for revenue enhancements and was pressured by higher spending commitments.

"The options are clear, but not necessarily easy. Either raise revenue or find ways to cut spending. Either option could negatively affect the consumer base.

"As such, we think the main element for this budget is how the government addresses its fiscal constraints but also formulates a mitigating measure to minimise the impact on the lower-income group, regardless of what is announced," they said recently.

Still, government revenue is expected to be higher this year and in 2025 than in 2023. But this may mean higher expenditure for next year.

Bank Muamalat chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid said this year had seen the implementation of several fiscal consolidation measures.

They included the increase in SST to eight per cent from six per cent, diesel subsidy rationalisation and e-invoicing.

"I believe these fiscal consolidation steps have yielded results, opening up a lot of fiscal policy space.

"This means that, in terms of revenue, the collection might be higher and spending is optimised, creating more room for the government to plan the budget for the coming year.

"With such conditions, the government can allocate a larger budget next year to further expand all sectors of the economy,

ensuring that groups like the B40 and others benefit."

He said in general, the budget's focus would be broad.

"In terms of social security, programmes like cash transfers will be maintained. There's also a possibility of increasing the allocation and expanding the scope to include the M40 group.

"That might be something to consider, as well as how the government encourages more private sector investment.

"There may be more tax incentives to encourage companies to invest, especially in areas like energy transition."

In 2024, the government allocated RM393.8 billion for expenditure. The figure will likely be revised higher when the 2025 Budget is presented.

Of the RM393.8 billion, operating expenditure accounted for RM303.8 billion, with the bulk of spending going to emoluments following the revision of civil servant salaries as well as a hike in pension payments.

The balance of about RM90 billion went to development expenditure to finance infrastructure projects, among others.

Overall, the 2025 Budget may continue the government's focus on economic reforms to make Malaysia more competitive and attractive for investments, and at the same time, enhance the rakyat's livelihoods and standard of living.

"The gist of the 2025 Budget is to realise the Ekonomi Madani by raising the ceiling in encouraging competitiveness and quality investments and raising the floor in improving the rakyat's livelihoods and social protection," a source said.

The government aimed to create a prosperous future for Malaysians by fostering a competitive and innovative economy, improving public sector efficiency and promoting social equity, the source said.



The 2025 Budget may continue the government's focus on economic reforms to make Malaysia more competitive and attractive for investments and enhance the rakyat's livelihoods and standard of living. NSTP PIC BY AIZUDDIN SAAD